



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **BUKU KISAH KEJAYAAN OKU: TIADA YANG MUSTAHIL MANIFESTASI KPWKM TERHADAP PEMBANGUNAN OKU**

**PUTRAJAYA**, 27 April – “Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa fokus dengan pembangunan kumpulan sasaran seperti Orang Kurang Upaya, Warga Emas dan juga Kanak-Kanak. Tiada golongan yang tersisih di bawah Kementerian ini”, menurut YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ketika merasmikan pelancaran Buku Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan Orang Kurang Upaya (OKU) yang diterbitkan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Keunikan buku ini katanya, “kerana ia menterjemahkan kisah kejayaan 28 Individu OKU dalam pelbagai bidang iaitu Akademik, Abilimpik, Kemasyarakatan, Kepimpinan, Kesenian, Keusahawanan, Paralimpik dan bidang Politik kepada satu bentuk kegemilangan negara untuk dijadikan sebagai sumber inspirasi ramai. Pemilihan tokoh-tokoh pula adalah berdasarkan kriteria khusus yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Khas yang mana syarat utama adalah OKU yang berdaftar dengan JKM.” Menurut beliau, “buku ini menyuntik semangat kebersamaan warga KPWKM untuk terus menghulurkan khidmat kepada pembangunan OKU di Malaysia.”

Tambah beliau lagi, “KPWKM turut berkongsi saham atas kisah kejayaan mereka ini. Kisah mereka ini ditonjolkan dalam bentuk kes ilustrasi menceritakan suka dan duka mereka dalam berhadapan dengan realiti kehidupan dan seterusnya meraih kejayaan. Halangan dan rintangan yang mereka tempuhi dengan kekurangan yang ada tidak mematahkan semangat untuk mereka terus mengasah potensi kecemerlangan diri.”

“Buku ini juga merupakan manifestasi KPWKM dalam membangunkan OKU dengan menyajikan sebuah naskhah rasmi sebagai mengiktiraf jasa, sumbangan idea serta kepakaran OKU dalam pelbagai bidang terhadap pembangunan negara. Malah buku ini juga telah dicadangkan kepada RTM untuk diterjemahkan kepada medium yang lebih

hampir kepada masyarakat agar kisah-kisah kejayaan OKU ini dapat membuka mata masyarakat untuk turut mencontohi kecemerlangan mereka” ujar beliau.

Majlis pelancaran tersebut turut diserikan dengan kehadiran tokoh-tokoh OKU yang dipaparkan dalam buku tersebut antaranya YB Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi (Politik), YBrs. Prof. Dr. Ruzita Mohd Amin (Akademik), En. Kumaran A/L Marimuthoo (Keusahawanan), YBhg. Dato’ Haji Mah Hassan Haji Omar, En. Wong Yoon Loong (Kemasyarakatan), En. Haymasuthan A/L Periasamy (Abilimpik), En. Clarence Kang (Kesenian), En. Abdul Latif Romly dan dua wakil dari pasukan paralimpik Majlis Sukan Negara (Paralimpik).

Pada majlis yang sama, beliau turut melancarkan Modul Skwad Waja (Wanita Anti Jenayah) iaitu modul latihan yang digunakan oleh Sukarelawan Skwad Waja dibawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita. Modul Skwad Waja ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu keganasan khususnya terhadap wanita bagi memastikan wanita tidak berterusan menjadi mangsa keganasan dan menjadikan wanita lebih bijak bertindak. Sehingga 8 Mac 2021 seramai 107 orang telah dilatih bagi membantu membanteras keganasan terhadap wanita.

Majlis pelancaran tersebut diadakan sempena program Perhimpunan Bulanan KPWKM yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato’ Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian, YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik Kementerian, YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi Kementerian, YBhg. Dr. Zurina binti Abdul Hamid Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita dan YBrs. Dr. Fazni binti Mat Arifin, Pengarah Institut Sosial Malaysia.

\*\*\* Tamat \*\*\*

*\*\* (Senarai penuh kehadiran Tokoh OKU adalah seperti di Lampiran).*

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat  
Institut Sosial Malaysia (ISM)  
LOT PT 13856, KM 6 Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban  
57100 Sungai Besi, Kuala Lumpur**

No. Telefon : 03-7985 3333

Tarikh dikeluarkan : 27 April 2021